

# Lelaki tumbuk isteri dipenjara seminggu dan denda RM2,000

**KUCHING:** Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara seminggu dan denda RM2,000 atau 10 bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana menumbuk isterinya.

Azzizul Abdullah, 40, mengaku bersalah di hadapan Majistret Ling Hui Chuan selepas didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh sehingga setahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya apabila disabitkan.

Azzizul melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Kampung Jawa, Batu 12 di sini kira-kira jam 10.30 malam

pada 19 November 2024.

Berdasarkan fakta kes, berlaku pertengkaran antara Azzizul dan isterinya kerana di bawah pengaruh alkohol.

Ketika pertengkaran itu, Azzizul menumbuk mata kanan isterinya menyebabkan isterinya tidak sedarkan diri.

Apabila mangsa sedar, dia mendapati mentuanya berada di rumah itu cuba menyedarkannya dengan mengipasnya. Mangsa seterusnya membuat laporan polis yang membawa kepada penahanan Azzizul.

Siasatan mendapati mangsa mengalami kesan lebam di mata dan lengan.

Pendakwaan kes oleh Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin manakala Azzizul tidak diwakili peguam.